

15 OCT 1997

Law-Asean

MENTERI ALAM SEKITAR ASEAN JUMPA SEBULAN SEKALI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri Alam Sekitar Asean akan mengadakan pertemuan yang lebih kerap, sekurang-kurangnya sebulan sekali, bagi membincangkan masalah alam sekitar serantau termasuk masalah pencemaran merentasi sempadan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata sebagai permulaan, Indonesia dan Malaysia akan melaksanakan perbincangan mengenai jerebu yang kini dihadapi kedua-dua negara itu dan beberapa negara jiran.

Law berkata, selain perbincangan mengenai jerebu dan alam sekitar di peringkat menteri-menteri Asean, perbincangan peringkat pegawai-pegawai kanan juga akan diadakan lebih kerap.

Pada 18 Nov, satu perbincangan antara kedua-dua negara akan diadakan di sini pada peringkat pegawai kanan, dan Indonesia akan diwakili Penolong Menteri Alam Sekitar, Dr Surna Tjahja Djajadiningrat, katanya kepada pemberita di sini.

"Kita akan memikirkannya bersama, bukan sahaja mengenai cara mengatasi jerebu yang dihadapi kini tetapi untuk kepentingan jangka masa panjang," katanya.

Law berkata, bagi menghadapi masalah pencemaran merentasi sempadan, Asean mungkin dapat menjadikan keadaan yang berlaku di Eropah, Amerika Syarikat dan Kanada sebagai contoh menanganinya.

"Di negara berkenaan, masalah pencemaran merentasi sempadan mereka ialah hujan asid, jadi mungkin cara mereka mengatasi perkara ini boleh diterimapakai (oleh Asean)," katanya.

Katanya, masalah jerebu juga boleh dikategorikan sebagai pencemaran merentasi sempadan.

Sejak tiga bulan kebelakangan ini, kegiatan pembakaran hutan di Sumatra dan Kalimantan, Indonesia telah menyebabkan beberapa negara di rantau ini seperti Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand, Filipina dan Indonesia sendiri mengalami jerebu dan pencemaran udara yang serius.

Bagaimanapun, di Malaysia, keadaan jerebu agak berkurangan sejak sebulan lepas berikutan perubahan arah tiupan angin, dengan kebanyakan tempat mengalami kualiti udara paras "sederhana" atau "baik" mengikut Indeks Pencemaran Udara.

Law berkata, kementerianya juga telah mengemukakan hasil laporan mengenai jerebu serta kesannya yang dilakukan oleh pakar dari Jepun kepada Kabinet, pada mesyuarat mingguan yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, antara penemuan kumpulan enam orang pakar itu ialah peningkatan ketara kandungan bahan pencemar udara di Kuching pada separuh kedua bulan September, iaitu PM10 atau zarah terampai.

Kandungan PM10 itu mencapai 852m/gm³, melebihi lima kali paras yang dianggap selamat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada paras 150m/gm³. Bagaimanapun di Kuala Lumpur kandungan PM10 tidak meningkat.

Law berkata kajian juga mendapati kes penyakit semasa jerebu seperti penyakit berkaitan sistem pernafasan dan penyakit mata meningkat terutama di kalangan kanak-kanak dan golongan tua.

Selain itu, kesan kesihatan lain yang tidak serius juga berlaku iaitu tanda-tanda penyakit psikologi seperti kekurangan tidur dan tekanan perasaan dialami oleh orang ramai, katanya.

Law berkata, antara cadangan yang diberikan pakar Jepun itu ialah

mengadakan penyelidikan berterusan mengenai kesan jerebu terhadap alam sekitar bagi mengukur impaknya kepada ekologi termasuk tanah dan air, dan mengadakan pemeriksaan kesihatan terhadap orang ramai yang terdedah kepada jerebu.

Laporan itu juga mencadangkan Jabatan Perkhidmatan Kajiakuaca mengeluarkan data berupa amaran awal mengenai kewujudan jerebu serta penubuhan satu sistem maklumat perubatan bersepadu kebangsaan dengan segera bagi merujuk masalah berkenaan.

Law berkata, beliau juga menerima surat dari Duta Perancis di sini memaklumkan mengenai kesediaan negara itu bekerjasama dalam semua bidang bagi membantu Malaysia menangani jerebu.

Duta Amerika Syarikat juga telah menyatakan minat negara itu untuk bekerjasama dalam lima bidang dengan Malaysia, antaranya meliputi hal-hal pengawasan pencemaran udara dan pengawalan kebakaran, katanya.

Mengenai tindakan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar semasa jerebu, Law berkata sebanyak 338 tindakan kompaun dan mahkamah dikenakan bagi tempoh 17 Julai hingga 13 Okt lepas berikutan operasi pemeriksaan terhadap kenderaan, tapak pelupusan sampah, ladang dan sektor perindustrian dan perdagangan. -- BERNAMA

RAZ NMO